

TERKINI UTAMA & SENSASI



By **AK-47** · 21/08/2022 · 0 · 90

Setiap tahun akan ada golongan muda memasuki alam pekerjaan atau perniagaan sama ada dalam kalangan graduan universiti mahupun lepasan sekolah.

**Ikuti Mynewshub: Telegram**

Berkat rezeki oleh Yang Maha Esa didorong dengan kesungguhan dan kerajinan sebahagiannya akan memperoleh pendapatan yang cukup baik dalam apa jua bidang mereka ceburi.

Ini bermaksud sebahagian golongan muda yang telah melangkah ke alam pekerjaan atau perniagaan akan layak dikenakan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Kepada mereka yang pertama kali perlu membayar cukai pendapatan usah risau kerana jumlah cukai yang dikenakan oleh LHDNM sama sekali tidak akan merugikan anda.

Sebaliknya ia digunakan untuk menampung perbelanjaan yang sedang anda nikmati sebagai rakyat Malaysia ketika ini termasuk kesihatan, pendidikan, keselamatan dan segala-galanya.

Justeru, dalam era teknologi maklumat perkara yang paling sinonim sebagai pembayar cukai kali pertama yang perlu anda ketahui adalah tentang Sijil Digital atau No. Pin.

Ia digunakan untuk mengesahkan identiti atau membolehkan pengguna memperoleh hak untuk mendapatkan maklumat serta melakukan transaksi secara dalam talian sistem ezHASiL.

Ia umpama kad pengenalan atau MyKad khas yang diberi secara percuma oleh LHDNM untuk memudahkan anda menguruskan urusan percukaian anda dengan LHDNM secara dalam talian.

Secara umum Sijil Digital digunakan bagi mengesahkan capaian pengguna untuk menggunakan e-Filing dan menandatangani Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara dalam talian.

Cara untuk mendapatkan Sijil Digital atau No. PIN bagi individu adalah dengan hadir ke cawangan LHDNM berhampiran anda.

Manakala permohonan untuk No. PIN e-Filing Organisasi melalui Cawangan LHDNM/Pusat Transformasi Bandar (UTC)/Pusat Khidmat Hasil (PKH).

**Apa yang perlu anda lakukan selepas memperoleh Sijil Digital atau No. PIN adalah seperti berikut:**

– Log masuk ke <https://mytax.hasil.gov.my/> laman web ezHASiL. Masukkan No. Pengenalan dan Kata Laluan.

- **Pilih PerkhidmatanezHASil -> e-Filing -> e-Borang. Pilih e-borang yang dikehendaki.**
- **Tandatangan menggunakan Sijil Digital dan hantar secara dalam talian.**
- **Cetak pengesahan penerimaan e-Borang.**

Jangan bimbang mengenai keselamatan teknologi Sijil Digital ini kerana menurut LHDNM secara teorinya untuk memecahkan kekunci 2048 bit pada sistem itu akan mengambil masa selama 3,000,000 tahun.

**-Mynewshub**